

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SAU308 - Agama dan Hubungan Sosial/
SAU304 - Agama dan Masyarakat

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Bahagian A wajib dijawab. Jawab DUA (2) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

Soalan di bahagian ini wajib dijawab.

1. Huraikan konsep-konsep berikut:

- | | |
|---------------------------------|-------------|
| a. Agama | (20 markah) |
| b. Perkasa diri | (20 markah) |
| c. Rangka analitikal | (20 markah) |
| d. Deduktif | (20 markah) |
| e. Pengukuran penghayatan agama | (20 markah) |

...2/-

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

2. Apakah peranan utama agama bagi Emile Durkheim? Bagaimanakah Durkheim menghuraikan tesisnya tentang 'tuhan itu masyarakat'? Setujukah anda dengan pandangan Durkheim itu?

(100 markah)

3. Weber berpendapat manusia perlu pada agama. Bagaimanakah proses psikologikal dan sosiologikal ini berlaku hingga mempengaruhi tingkahlaku manusia untuk beragama? Apakah ciri-ciri agama yang membezakan masyarakat primitif dan kompleks? Kedudukan status sosial manakah yang mampu menjadi penjana perubahan masyarakat?

(100 markah)

4. Stark dan Bainbridge menggunakan teori pilihan rasional untuk mengkaji tingkahlaku manusia untuk beragama. Huraikan teori ini dengan mengaplikasikan analisisnya kepada satu pergerakan agama. Apakah kelemahan utama teori ini?

(100 markah)

5. Huraikan bentuk-bentuk teori sosiologi agama yang boleh dikenalpasti oleh anda dalam kursus ini? Pilih hanya satu kes di bawah ini untuk dianalisa fenomena yang berlaku di Malaysia ini.

- a. konflik agama di Kampung Rawa
- b. perubahan sistem kasta di Malaysia
- c. perdebatan di antara golongan ulama-Mahathir
- d. satu agama satu negara

(100 markah)